



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU KETIGA 2020**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
THIRD QUARTER 2020*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU KETIGA 2020**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Pada suku ketiga (Q3) 2020, prestasi jualan runcit di Negara Brunei Darussalam telah terus menunjukkan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 10.3 peratus, selepas peningkatan sebanyak 1.6 peratus pada suku kedua (Q2) 2020. Jumlah nilai jualan runcit pada Q3 2020 dianggarkan bernilai sebanyak BND407.3 juta.
2. Peningkatan jualan runcit terutamanya didorong oleh jualan Peralatan Komputer & Telekomunikasi yang meningkat sebanyak 42.2 peratus diikuti dengan jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah sebanyak 28.2 peratus; jualan di Pasaraya (10.6 peratus); dan jualan di Gedung Serbaneka (9.0 peratus). Peningkatan jualan runcit ini selaras dengan kenaikan permintaan domestik bagi barangan tertentu berikutan beberapa langkah yang dilaksanakan disebabkan oleh situasi jangkitan COVID-19 di negara ini seperti pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian (*online*), bertugas dari rumah (*work from home*) dan sekatan keluar negeri.
3. Sementara itu, terdapat juga hasil jualan bagi beberapa barangan lain telah menunjukkan penurunan, seperti buku, surat khabar dan alat tulis di kedai khusus (23.6 peratus), perkakasan, cat dan kaca di kedai khusus (9.5 peratus), dan stesyen minyak (3.7 peratus).
4. Bagi perkhidmatan makanan & minuman di Negara Brunei Darussalam, pada Q3 2020, prestasi jualan perkhidmatan tersebut menurun sebanyak 1.6 peratus berbanding Q3 2019. Jumlah hasil perkhidmatan makanan & minuman pada Q3 2020 dianggarkan bernilai sebanyak BND84.5 juta.

5. Penurunan jualan perkhidmatan makanan & minuman adalah disebabkan pengurangan pendapatan Lain-lain Aktiviti Perkhidmatan Makanan sebanyak 31.4 peratus diikuti dengan pendapatan Kedai Makanan Segera sebanyak 1.5 peratus dan pendapatan Restoran (0.8 peratus). Pelan *de-escalation* berkaitan situasi jangkitan COVID-19 bagi perkhidmatan penyajian makanan (*dine-in*) telah bermula pada 27 Julai 2020 di mana premis-premis makanan dibenarkan untuk beroperasi pada kadar kapasiti seperti biasa (100%). Walau bagaimanapun, memandangkan pelaksanaan tersebut baru bermula, jualan perkhidmatan makanan & minuman belum dapat mencapai tahap normal seperti tahun 2019 dan mengalami penurunan berbanding Q3 2019.
6. Berbanding dengan suku kedua (Q2) 2020, hasil jualan runcit pada Q3 2020 telah menurun sebanyak 3.9 peratus terutamanya disebabkan oleh penurunan jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 9.4 peratus. Manakala, bagi perkhidmatan makanan & minuman telah mencatatkan peningkatan sebanyak 18.8 peratus pada Q3 2020 berbanding Q2 2020. Ini adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam hasil aktiviti Restoran sebanyak 24.0 peratus.
7. Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan gambaran bagi tren perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
THIRD QUARTER 2020

BRUNEI DARUSSALAM

1. *In the third quarter (Q3) 2020, retail sales performance in Brunei Darussalam continued to show an increase of 10.3 per cent year-on-year, after increasing by 1.6 per cent in second quarter (Q2) 2020. The value of retail sales in Q3 2020 was estimated at BND407.3 million.*
2. *The increase in retail sales was mainly driven by the sales of Computer & Telecommunication Equipment which increased by 42.2 per cent followed by the sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment by 28.2 per cent; sales in Supermarkets (10.6 per cent); and sales in Department Stores (9.0 per cent). This increase was in line with the increase in domestic demand for certain goods following several measures implemented due to the COVID-19 outbreak such as online learning and teaching, work-from-home (WFH) arrangements and travel restrictions abroad.*
3. *Meanwhile, there were also declines recorded for some other goods such as books, newspapers and stationery in specialized stores (23.6 per cent), hardware, paints and glass in specialized stores (9.5 per cent), and petrol station (3.7 per cent).*
4. *For food & beverage services in Brunei Darussalam, in Q3 2020, sales performance of these services has declined by 1.6 per cent compared to Q3 2019. The value of sales for food & beverages services was estimated at BND84.5 million.*

5. *The decrease in sales of food & beverage services was attributed to the decline in income of Other Food Services Activities (31.4 per cent), Fast Food Outlets (1.5 per cent) and Restaurants (0.8 per cent). De-escalation plan following the situation of COVID-19 outbreak for dine-in services started on 27 July 2020 where food premises are allowed to operate at full capacity as usual (100%). However, since the implementation has just started, the sales of food & beverage services have not reached the normal level as in 2019 and experienced a decrease compared to Q3 2019.*

6. *As compared to the second quarter (Q2) 2020, retail sales in Q3 2020 has recorded a decline of 3.9 per cent mainly due to decrease in sales in Department Store by 9.4 per cent. Meanwhile, food & beverage services recorded a 18.8 per cent increase in Q3 2020 compared to Q2 2020. This is mainly due to the increase in revenue of Restaurants by 24.0 per cent.*

7. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: www.deps.gov.bn.*